Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 14 (2), 2019, 9-23
https://doi.org/ 10.22452/JAT.vol14no2.2

PENGARUH MIRZA BASYIRUDDIN MAHMUD AHMAD DALAM TAFSIRAN AL-QURAN DAN PENYEBARAN AJARAN QADIANI DI SUMATERA, INDONESIA

(Influence of Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad in Quranic Interpretation and Spreading of Qadiani Teaching in Sumatera, Indonesia)

Mustaffa Abdullah,* Andi Putra Ishak** & Abdul Karim Ali***

Abstrak

Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad merupakan khalifah Jemaat Ahmadiyyah Qadiani kedua, beliau berupaya mengembangkan pemikirannya dalam memahami al-Qur'an ke seluruh pelosok dunia termasuk di antaranya pulau Sumatera. Pemikiran Basyiruddin mencetuskan kontroversi manakala meyakini kewafatan Nabi Isa AS dan kenabian Mirza Ghulam Ahmad. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh pemikiran tersebut di Sumatera. Daerah yang menjadi fokus kajian ialah Aceh, Sumatera Barat dan Sumatera Utara. Kajian ini menggunakan metode perpustakaan dan temu bual. Hasil kajian ini mendapati bahawa pemikiran Basyiruddin mendapat penentangan keras dari masyarakat, tokoh ulama dan kerajaan, kerana ianya bercanggah dengan prinsip-prinsip utama dalam agama Islam. Oleh kerana itu, pemikiran ini tidak memiliki pengaruh yang signifikan di Sumatera, Indonesia.

Kata kunci: Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Jemaat Ahmadiyyah Qadiani, Sumatera, menyeleweng, bercanggah

Abstract

Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad is the second caliph of Jemaat Ahmadiyyah Qadiani, who tried to develop his thoughts in understanding the Qur'an to the whole world including the Island of Sumatra. Basyiruddin's thoughts have caused controversy while believing the death of Jesus and prophethood of Mirza Ghulam Ahmad. This article aims to examine the influence of these ideas in Sumatra. Regions that were the focus of the study are Aceh, West Sumatra and North Sumatra. This study used the method of library research and interviews. The results of this study found that Basyiruddin's thoughts were opposed by public, prominent scholars and government, because of contradiction to the fundamentals of Islamic religion. Therefore, these thoughts did not have a significant effect to the whole Sumatra.

Keywords: *Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Jemaat Ahmadiyyah Qadiani, Sumatra, deviant, contradict*

Pendahuluan

Jemaat Ahmadiyyah Qadiani merupakan salah satu aliran dalam gerakan Ahmadiyyah (*Ahmadiyya Movement*).[1] Gerakan ini diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad (selanjutnya disebut Ghulam Ahmad). Selepas kematian Ghulam Ahmad, Aliran Qadiani dipengerusikan oleh Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (selanjutnya disebut Basyiruddin),[2] sementara aliran Lahor dipimpin oleh Maulana Muhammad Ali.[3] Kedua-dua aliran ini dikategorikan sebagai aliran sesat, kerana meyakini dan mengagungkan Ghulam Ahmad sebagai Nabi selepas Nabi Muhammad saw.[4]

* Mustaffa Abdullah (Ph.D) (corresponding author), Associate Professor, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: mustaffa@um.edu.my.
** Andi Putra Ishak (Ph.D), Officer, Sekretariat Majelis Permusyawaratan Ulama, Kantor Keistimewaan Aceh, Jalan Arul Batin no.10, Kabupaten Gayo Lues-Aceh, Indonesia. Email: andiputraishak@yahoo.com.
*** Abdul Karim Ali (Ph.D), Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: abdkarim@um.edu.my.

[1] Coeli Fitzpatrick dan Adam Hani Walker (2014), *Muhammad in History Thought and Culture: An Encyclopedia of the Prophet of God*, Calofornia: Santa Barbara, h. 14.
[2] Aris Mustafa (2005), *Ahmadiyyah Keyakinan Yang Digugat*, t.tp: Tempo, h. 71.
[3] Hartono Ahmad Jaiz (2008), *Nabi-nabi Palsu dan Para Penyesat Umat*, Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar, h. 276.
[4] Ibid.

Tulisan dan kajian mengenai Jemaat Ahmadiyyah sudah banyak dilakukan. Semenjak awal kemunculannya di Qadian-India. Perhatian para ulama Islam untuk memberikan teguran kepada Jemaat Ahmadiyyah begitu luar biasa, terutama mengenai sejarah kemunculan dan isu kenabian. Namun begitu terdapat beberapa penulisan yang hampir mendekati isu yang akan dibincangkan dalam makalah ini tetapi tidak dibahas secara menyeluruh. khususnya berkaitan pengaruh pemikiran Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad dalam memahami ajaran al-Quran dan pengaruhnya di Sumatera Utara Indonesia.

Terdapat lapan kajian berkaitan sejarah Jemaat Ahmadiah yang telah dilakukan di Malaysia dan Indonesia. Dua kajian berkaitan tafsir Jemaat Ahmadiah. Terdapat lima kajian berkaitan Ideologi Jemaat Ahmadiah kajian yang ditulis dalam Bahasa Urdu dan diterjemah ke bahasa Indonesia. Perkara ini juga menarik minat pengkaji barat dan banyak kajian yang telah dilakukan oleh mereka. Begitu juga kajian yang menyentuh tentang respons umat Islam terhadap Jemaat Ahmadiah banyak diberikan oleh para pengkaji Nusantara dimana dapat dikesan 13 kajian telah dilakukan. Keadaan ini menggambarkan kewujudan ajaran Jemaat Ahmadiah ini disedari oleh masyarakat setempat. Walau bagaimanapun satu sudut yang belum diteroka oleh para pengkaji ialah pengaruh pemikiran Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad dalam memahami ajaran al-Quran dalam The Holy Qur'an With Translation & Commentari In Indonesia dan pengaruhnya Di Sumatera Utara Indonesia.[5]

Dalam makalah ini penulis cuba mengkaji tentang pemikiran Basyiruddin dalam memahami al-Qur'an di Sumatera berkait persoalan kewafatan Nabi Isa, kenabian Mirza Ghulam Ahmad dan respon masyarakat setempat terhadap pemikiran tersebut. Daerah yang menjadi fokus utama ialah Aceh, Sumatera Barat dan Sumatera Utara. Makalah ini sedikit sebanyak akan mendedahkan tentang pengaruh pemikiran beliau melalui pelbagai pergolakan dan respon masyarakat terhadap pemikiran tersebut.

Biografi Mirza Basyiruddin dan Karyanya

Mirza Ghulam Ahmad, Pengasas Jemaat Ahmadiyah Qadiani tidak menulis tafsir al-Qur'an secara lengkap. Beliau hanya mentafsirkan beberapa ayat dan surah tertentu yang dikira dapat menyokong idea dan pemikirannya. Antara tafsirnya ialah tafsir surah al-Fatihah yang terdapat di dalam karya beliau "*Barahin Ahmadiyah*". Tafsir tersebut kemudian diasingkan oleh 'Abd al-Rahman Misri menjadi satu buku khusus yang bertajuk "*Tafsir bi Nazir Surah al-Fatihah*".[6] Berbeza dengan Basyiruddin, beliau memiliki tafsir al-Qur'an secara lengkap. Iaitu *tafsir al-Kabir* dan *tafsir al-Saghir*. Habib Ahmad Berlin, ketika menyifatkan kedua-dua tafsir tersebut mengatakan bahawa:

> …kedua-dua tafsir tersebut ditulis dalam bahasa Urdu. *Tafsir al-Kabir* memiliki saiz yang besar dan berjilid-jilid. Perbincangan ilmu di dalamnya sangat luas dan penerangan makna yang terperinci. Tetapi tidak semua ahli Jemaat Ahmadiyah boleh membacanya. Akhirnya Hadhrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad menulis tafsir yang lebih kecil dinamakan dengan *tafsir al-Saghir*.[7]

Keterangan yang sama turut dijelaskan oleh Nur-ud-Din Muneer di dalam buku *Ahmadi Muslim*. Menurutnya tafsir al-Kabir menghuraikan erti ayat secara mendalam, membincangkan mengenai hubungan ayat dengan ayat, surah dengan surah dan turut menjawap pelbagai permasalahan yang dimunculkan oleh sarjana Barat. Adapun tafsir *al-Saghir* adalah tafsiran yang memuat penerangan ayat secara ringkas, pendek tapi padat. Ia dilengkapi dengan terjemahan yang diletakkan di dalam tanda kurungan. Tafsir tersebut telah disunting oleh Malik Ghulam Farid dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris bagi memudahkan penutur berbahasa Inggeris memahaminya.[8]

Penulisan tafsir dalam bahasa Urdu tidak memberikan pengaruh besar bagi berkembangnya fahaman Ahmadiyah ke daratan Eropah. Justeru untuk meluaskan lagi fahaman tersebut dimunculkan edisi tafsir dalam bahasa Inggeris. Karya ini merupakan suntingan daripada tafsir *al-Saghir* yang disusun oleh Malik Ghulam Farid.[9] Tafsir tersebut dinamakan dengan *The English Commentary of The Holy Qur'an*.

---

[5] Andi Putra Ishak (2017), *Pemikiran Jemaat Ahmadiyah dalam The Holy Qur'an With Translation and Commentary In Indonesia: Kajian terhadap Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad dan Pengaruhnya di Sumatera Utara,* Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 24-29.
[6] Mirza Ghulam Ahmad (1981), *Tafsir bi Nazir Surah al-Fatihah*, ed. 'Abd al-Rahman Misri, Lahore: Ahmadiiyah Anjuman Isha'at Islam.
[7] Habib Ahmad Berlin (Muballigh Jemaat Ahmadiyah Cawangan Medan), dalam temubual dengan pengkaji, 4 Mei 2014.
[8] Nur-ud-Din Muneer (1988), *Ahmadi Muslim* , terj. Rani Saleh, t.tp, Pengurus Besar Jemaat Ahmadiyah Indonesia, h. 134.
[9] Ibid., h. 135.

Ianya merupakan edisi besar tafsir Ahmadiyah yang disediakan dalam bahasa Inggeris. Penulisan karya ini telah berlangsung dalam tempoh masa yang panjang, pada awalnya karya ini dikerjakan oleh Hadhrat Maulvi Syer Ali, kemudian diserahkan kepada ahli jawatankuasa penterjemahan yang terdiri daripada Hadhrat Maulvi Syer Ali, Hadhrat Mirza Basir Ahmad dan Malik Ghulam Farid.[10] Mereka tidak dapat melakukan penterjemahan tersebeut secara bersama-sama sehingga selesai, disebabkan oleh kematian Hadhrat Syer Ali. Selain itu Basyir Ahmad ditugaskan untuk mengejakan program Jemaat Ahmadiyah yang lain. Oleh yang demikian, Malik Ghulam Farid meneruskan penterjemahan tersebut seorang diri.[11] Ketekunan Malik Ghulam Farid dalam menyelesaikan karya tersebut membuatnya lebih dikenal dengan penyunting tafsir Ahmadiyah dibandingkan tokoh Ahmadiyah yang lain.

Suntingan tersebut selain usaha penterjemahan karya tafsir, juga satu transformasi pemikiran Basyiruddin Mahmud Ahmad kepada masyarakat Eropah. Tetapi disebabkan ketebalan saiznya mencecah 3000 muka surat, maka menjadi rintangan bagi masyarakat untuk memahaminya. Berdasarkan kenyataan tersebut, Malik Ghulam Farid cuba membuat suntingan yang lebih ringkas dengan nama *The Holy Qur'an English Translation & Short Commentary.* Sebagai pengikut setia dan murid kepada Basyiruddin Mahmud Ahmad, Malik Ghulam Farid berusaha sedaya upaya untuk memasukkan ke dalam tafsir edisi ringkas tersebut semua pemikiran gurunya sama ada yang terdapat dalam terjemahan *tafsir al-Saghir* dalam bahasa Belanda yang diterbitkan pada tahun 1954 M mahupun kandungan ceramah dan wacana keagamaan yang pernah dimunculkan oleh Basyiruddin selama hidupnya.[12] Justeru untuk menyempurnakan kefahaman terhadap tafsir singkat di atas perlu membaca karya Basyiruddin yang lain iaitu *Introduction of Study of The Holy Qur'an*[13]*,* karya ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, termasuk di antaranya bahasa Indonesia.

Dalam konteks Indonesia, semenjak awal berdirinya Jemaat Ahmadiyah di Indonesia iaitu dalam lingkungan tahun 1935 M[14] mereka telah memiliki hasrat untuk memiliki Qur'an dan terjemahan sendiri yang dianggap sesuai dengan keyakinan mereka. Kemudian muncullah idea untuk menterjemahkan al-Qur'an dengan bahan asas daripada *Tafsir al-Saghir* karya Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad. Terjemahan ini pada awalnya dikerjakan oleh Malik Aziz Ahmad Khan, kemudian disempurnakan oleh Jawatankuasa penterjemahan yang terdiri daripada Mian Abdul Hayee, H.P, H. Abdul Wahid H.A, Sukri Barmawi dan R. Rahmat Anwar.[15] Malik Aziz Ahmad Khan menyelesaikan penulisan terjemahan al-Qur'an tersebut pada tahun 1960, kemudian menyerahkannya kepada Sayyid Syah Muhammad al-Jaelani sebagai *rais al-Tabligh* masa itu.

Selanjutnya hasil terjemahan ini diteliti oleh jawatankuasa khas yang terdiri daripada Sayyid Shah Muhammad al-Jaelani, Abu Bakar Ayyub H.A, Abdul Wahid H.A dan Mian Abdul Hayee, H.P. Terjemahan sahaja dirasa belum boleh memberikan kepahaman terhadap al-Qur'an secara menyeluruh, oleh demikian muncul idea untuk melengkapi terjemahan tersebut dengan tafsir ringkas.Tugasan ini diserahkan kepada jawatankuasa khas yang dipimpin oleh Mian Abdul Hayee, H.P untuk menyelesaikan sepuluh juz pertama al-Qur'an. Dengan meringkaskan kandungan edisi besar tafsir bahasa inggeris *The Large Commentary of The Holy Qur'an*, Penulisan terjemahan dan tafsir singkat untuk sepuluh juz pertema tersebut selesai dilakukan pada tahun 1965 M. Kejayaan usaha ini atas desakan Sahibzada Mirza Mubarak Ahmad, masa itu beliau menjawat sebagai Misi Ahmadiyah Antarabangsa (*Vakilut Tabshir*) dan melakukan lawatan ke Indonesia pada tahun 1963 M.

Selepas itu muncullah idea untuk menterjemahkan keseluruhan kandungan *The Large Commentary of The Holy Qur'an,* namun kerja ini ditangguhkan sesuai dengan hasil perbincangan pada mesyuarat khas yang dihadiri oleh Sahibzada Mirza Mubarak pada 24 Oktober 1968 M. Kerja selanjutnya difokuskan untuk menterjemahkan *The Abridge Edition of The Larger Commentary,* penterjemahan ini dilakukan oleh jawatankuasa yang dipimpin oleh Mian Abdul Hayee H.P, Abdul Wahid H.A, Sukri Barmawi, R. Ahmad Anwar.

---

[10] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (2014), *The Holy Qur'an With Translation & Commentary In Indonesia*, ed. Malik Ghulam Farid, Bogor: Neratja Press, h. VIII.
[11] Ibid.
[12] Ibid., h. ix.
[13] Basyiruddin Mahmud Ahmad (1993), *Perlukah al-Qur'an Diturunkan*, terj. Syafi R. Batuah, Bogor: Yayasan Wisma Damai.
[14] M'Lius Ma'la (2000), *Bunga Rampai Jemaat Ahmadiyah Indonesi*, Bogor: Jemaat Ahmadiyah Indonesia, h. 44.
[15] Basyiruddin Mahmud Ahmad, *The Holy Qur'an With Translation & Commentary In Indonesa,* V.

Penterjemahan karya lain ke dalam bahasa Indonesia ialah suntingan *tafsir al-Saghir* iaitu *The Holy Qur'an With English Translation and Commentary* yang disusun oleh Malik Ghulam Farid. Karya ini telah diterjemahkan ke dalam seratus bahasa utama dunia.[16] Dalam Bahasa Indonesia dikenal dengan *The Holy Qur'an with Translation & Commentary in Indonesia* atau dalam edisi terbaru ditulis dengan tajuk "Al-Qur'an Terjemah dan Tafsir Singkat."

Pemikiran Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad

Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, dilahirkan di Qadian, India pada 12 Januari 1889 M.[17] Beliau merupakan anak sulung Ghulam Ahmad, pengasas Jemaat Ahmadiyyah. Ibunya bernama Jahan Begum,[18] kalangan Ahmadiyyah menyebutnya *Ummul Mukminin Sayyidah Nusrat Jahan Begum*.[19] Dalam teologi Ahmadiyyah, kelahiran Basyiruddin merupakan manifestasi keberkatan bagi dunia Islam.[20] Maklumat tentang kelahirannya didakwa telah diwahyukan sebelumnya kepada Ghulam Ahmad. Oleh yang demikian, kalangan Ahmadiyyah memberi gelaran kepadanya sebagai a*l-Muslih al-Maw'ud* (*the promised reformer*).[21]

Dalam dunia pendidikan, Basyiruddin gagal menamatkan pengajian formalnya. Semenjak kecil beliau telah dijangkiti penyakit kronik yang memaksanya untuk belajar secara bersendiri (*autodidaktos*).[22] Di samping itu, beliau menempuh pendidikan informal dari *founding father* Jemaat Ahmadiyyah seperti Ghulam Ahmad[23] dan Hakim Nuruddin.[24] Basyiruddin juga mendakwa telah mendapatkan ilmu *laduni* dan ilham.[25] Menurut dakwaannya, beliau telah menerima ilmu secara terus daripada malaikat Jibril. Pada peringkat ini, beliau telah diajar tentang tafsir surah al-Fatihah.[26] Dari beberapa realiti di atas menyebabkan beliau mendapat kedudukan yang penting di dalam Jemaat Ahmadiyyah. Bahkan beliau diyakini sebagai tokoh penyambung lidah Ghulam Ahmad bagi menyebarkan ajaran Islam ke seluruh dunia.

Basyiruddin meyakini bahawa bapanya, Ghulam Ahmad merupakan utusan Tuhan yang berkedudukan sebagai Zulkarnain.[27] Seperti halnya Zulkarnain yang diabadikan di dalam al-Qur'an dapat menguasai Timur dan Barat, demikian juga Ghulam Ahmad akan mentransformasi ajaran Ahmadiyyah ke seluruh dunia, termasuk kepulauan Nusantara, Indonesia. Pemikiran Basyiruddin merupakan reinkarnasi dari pemikiran pendiri Ahmadiyyah. Tiga hal utama yang menjadi teras pemikirannya ialah membuktikan kematian Nabi Isa A.S,[28] menyatakan keberlangsungan turunnya wahyu[29]dan mendakwa kemunculan Nabi baru dalam wujud Ghulam Ahmad.[30] Sistematika pemikiran tersebut hanya untuk memudahkan dakwaan kenabian Ghulam Ahmad.[31] Untuk menyebarkan pemikiran ini Basyiruddin telah menulis banyak karya yang berhubungan dengan tafsir, sejarah dan pemikiran.

Kewafatan Nabi Isa AS

Sepanjang perjalanan hidupnya, Basyiruddin terlibat dalam usaha mentafsirkan al-Qur'an. Tetapi hasil pentafsiran tersebut banyak bercanggah dengan pandangan ulama tafsir terkemuka yang muktabar. Di antara fahamannya ialah Nabi Isa AS telah berjaya dipalang di atas kayu Salib,[32] kemudian wafat di Kashmir.[33] Beliau menentang keyakinan majoriti umat Islam bahawa Nabi Isa AS telah diangkat oleh

[16] M. Muchlis Hanafi (2011), *Menggugat Ahmadiyah*, Jakarta: Lentera Hati, h. 4-5.
[17] Hasanat Ahmad Syed (2009), *The Second Coming Of Jesus Christ*, New York Bloomington: Iuniverse, Inc, h. 117.
[18] Asep Burhanuddin (2005), *Ghulam Ahmad: Jihad Tanpa Kekerasan*, Yogyakarta: LkiS, h. 33.
[19] Nuruddin Muneer (1988), *Ahmadi Muslim*, Indonesia: Pengurus Besar JAI, h. 89.
[20] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (2003), *Rememberance of Allah*, United Kingdom: Islam International Publications Ltd, h. vi.
[21] Nurudin Muneer, *Ahmadi Muslim*, 195.
[22] R. Ahmad Anwar (t.t.), "*Profil,*" dalam brosur Jemaat Ahmadiyyah Indonesia, Bogor: JAI, h. 1.
[23] Juan E. Campo (2009), *Encyclopedia Of Islam*, America: Fuct On File, h. 24.
[24] Ismatu Ropi (2017), *Religion And Regulation In Indonesia*, Singapure: Palgrave Macmillan, h. 179.
[25] R. Ahmad Anwar, *Profil*, h. 1.
[26] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (1990), *Apakah Ahmadiyyah itu*? Jakarta: PB Jemaat Ahmadiyyah Indonesia, h. 17.
[27] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (2014), *The Holy Qur'an English Translation & Commentary*, Bandung: Neratja Press, h. 1004.
[28] Ibid., h. 248.
[29] Ibid.,h. 11.
[30] Ibid., h. 23-24.
[31] Muchlis M. Hanafi (2011), *Menggugat Ahmadiyyah*, Ciputat: Lentera Hati, h. 51.
[32] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, *The Holy Qur'an With Translation and Commentary In Indonesia*, h. 400-401.
[33] Muhammad Sholikhin (2013), *Kontroversi Ahmadiyah: Fakta, Sejarah, Gerakan dan Akidah Jemaat Ahmadiyah Indonesia*, Yogyakarta: Penerbit Garudawhaca, h. 53.

Allah SWT ke langit, menurutnya keyakinan sebegini adalah perkara mengarut dan tidak sesuai dengan fakta sebenar.[34]

Bagi menguatkan hujahnya, Basyiruddin mentafsirkan surat al-Imran 3:55 mengikut konsep logik yang diyakininya. Wafat dalam ayat di atas menurut Basyiruddin adalah bererti mati, sementara menurut ulama Islam bererti mengambil,[35] kerana sambungan ayat di atas menegaskan bahawa Allah mengangkat Nabi Isa AS ke langit. Basyiruddin juga mendakwa fahamannya disokong oleh 'Abd Allah Ibn 'Abbas, al-Zamakhshari dan ulama-ulama yang lain.[36] Di samping itu beliau membawa hadith yang menyatakan bahawa seandainya Nabi Musa AS dan Nabi Isa AS masih hidup, maka tidak ada ruang bagi mereka kecuali mengikuti Nabi Muhammad SAW. Menurutnya hadith ini menegaskan bahawa kedua-dua Nabi tersebut, termasuk Nabi Isa AS telah wafat. Beliau turut memabawa hadith yang menyatakan bahawa umur Nabi Isa AS 120 tahun, hadith ini menurut Basyiruddin menguatkan bahawa Nabi Isa AS telah wafat, kerana sehingga hari ini telah berlalu ribuaan tahun, bererti Nabi Isa AS telah wafat.[37] Dakwaan itu adalah usaha yang dilakukan oleh beliau untuk membenarkan pendapat yang diyakininya, justeru ianya tidak disokong oleh hujah ilmiah.

Sehubungan dengan itu, wafat dalam Bahasa Arab bukan hanya bermakna mati. Ia boleh dimaknakan dengan mengambil, tidur dan mati. Menurut Ibn Jarir al-Tabari dari ketiga-tiga maksud di atas yang paling tepat bagi memahami tafsiran wafat dalam surah Ali Imran 3:55 adalah maksud yang pertama iaitu mengambil.[38] Adapun dakwaan bahawa 'Abd Allah bin 'Abbas dan al-Zamakshari menyatakan bahawa Nabi Isa AS telah wafat adalah tidak tepat, kerana kedua-dua ulama tersebut selari dengan pemikiran majoriti ulama.[39] Sementara dua hadith yang didakwa menyokong pandangan tentang kewafatan Nabi Isa AS adalah tidak menepati mesej kandungan hadith. Dimana menurut Ibn Hajar, hadith pertama memberi penegasan akan kesempurnaan syariat Nabi Muhammad SAW[40] dan hadith yang kedua menyatakan tentang kewafatan Nabi Isa AS setelah dibangkitkan di akhir zaman.[41] Dengan yang demikian, kedua-dua hadith ini tidak dapat dijadikan sebagai hujah bagi menyokong pandangan Basyiruddin yang ternyata mengemukakan pandangannya hanya berdasarkan argementasi akal dan tidak disandarkan kepada dalil-dalil yang sahih.

Kenabian Mirza Ghulam Ahmad

Dalam karya tafsinya *The Holy Qur'an with Arabic and Commentary* Basyiruddin mendakwa bahawa Ghulam Ahmad bukan manusia biasa. Dakwaan ini sampai kepada peringkat pemujaan, manakala beliau menyebut Ghulam Ahmad sebagai pembuka khazanah al-Qur'an menerusi tafsiran surah al-Fatihah,[42] Ghulam Ahmad sebagai wujud kebangkitan Rasulullah SAW kali kedua menerusi tafsiran surah al-Baqarah 2:4,[43] Ghulam Ahmad sebagai wakil agung Rasulullah SAW menerusi tafsiran surah al-Mudaththir 74: 33-34,[44] Ghulam Ahmad sebagai kawan rapat Nabi Isa AS menerusi tafsiran surah al-Fath 48:29,[45] Ghulam Ahmad sebagai *al-Masih al-Maw'ud* menerusi tafsiran surah al-Fajr 89:1-3[46] dan Ghulam Ahmad sebagai Zulkarnain menerusi tafsiran surah al-Kahfi.[47]

Pentafsiran Basyiruddin tentang kenabian Ghulam Ahmad berasaskan kepada penerapan tafsir al-Sufi. Setelah melihat dan mengkaji didapati bahawa pendekatan yang digunakan ialah pendekatan tafsir sufi al-Nadhari dan tafsir sufi al-Isyari. Antara kaedah sufi al-Nadhari yang digunapakai ialah menerapkan konsep-konsep ajaran yang diyakini terhadap ayat al-Qur'an. Sementara kaedah sufi al-Isyari, tidak semua makna yang tersebut dalam ayat dimaksudkan, tetapi ada maksud lain disebalik lafaz ayat.[48]

---

[34] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, *The Holy Qur'an With Translation and Commentary In Indonesia*, h. 400-403.
[35] Muhammad Ibn Jarir al-Tabari, *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Qur'an*, 6:455.
[36] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, *The Holy Qur'an Wuth Translation and Commentary*, h. 248.
[37] *Ibid.*, h. 249.
[38] Muhammad Ibn Jarir al-Tabari, *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Qur'an*, h. 60.
[39] Abi al-Fida Ismail Ibn Kathir al-Damshiqi (2000), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, t.tp: Maktabah Awlad al-Shaykh, h. 69.
[40] Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar, *Fath al-Bari,* ed. 'Abd al-Qadir Shaybah al-Hamdi (Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyah Athna al-Nashr, 2001), 6:567 (Kitab al-Anbiya', Bab Nuzul 'Isa Ibn Maryam no. hadith 3334)
[41] Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, h. 569.
[42] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (2012), *The Holy Qur'an Arabic Text With Translation & Short Commentary*, United Kingdom: Islam International Publications Ltd, h. 1.
[43] Ibid., h. 14.
[44] Ibid., h. 1200.
[45] Ibid., h. 1036.
[46] Ibid., h. 1261.
[47] Ibid., h. 572-573.
[48] Muhammad Husayn al-Dhahabi (2000), *al-Tafsir wa al-Mufassirun*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 261.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas pengkaji mendapati bahawa tafsiran Basyiruddin terhadap ayat-ayat yang didakwa sebagai isyarat kepada Ghulam Ahmad bersumber daripada keyakinannya yang teguh, bahawa Ghulam Ahmad merupakan Nabi utusan Allah SWT. Dengan yang demikian, Basyiruddin dilihat mengabaikan pentafsiran ulama lain yang lebih memiliki kredibiliti dibandingkan beliau.

Dalam melakukan pentafsiran, Basyiruddin tidak mematuhi syarat-syarat tafsir isyari yang ditetapkan oleh ulama Islam. Menurut al-Shatibi, pentafsiran *batin* (*isyari*) adalah dibolehkan dengan dua syarat utama. Pertama, makna *isyari* yang dihasilkan mesti selari dengan lisan orang Arab dan sesuai dengan maksud-maksud yang dikehendaki secara aturan bahasa Arab. Kedua, wujud dalil yang menyokong makna *isyari* tersebut dan tidak bercanggah dengan ayat-ayat yang lain.[49] Adapun Basyiruddin ketika mentafsirkan ayat-ayat yang didakwa ditujukan kepada Ghulam Ahmad tidak merujuk kepada penggunaan makna lafaz dalam bahasa Arab, malahan bercanggah dengan nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith. Menurut al-Zahabi, pentafsiran yang mengabaikan kedua-dua syarat di atas mesti ditolak, ianya merupakan tafsiran *batiniyah* yang merosakkan serta pentafsiran yang hanya berasaskan kepada hawa nafsu dan niat buruk.[50]

Mengenai persoalan Al-Mahdi, Ghulam Ahmad dinyatakan telah memproklamasikan dirinya sendiri sebagai Al-Mahdi tersebut dan bahkan sebagai penjelmaan Nabi Isa dan Nabi Muhammad (SAW) bagi umat Islam, di samping sebagai *avatar* (jelmaan tuhan) Krisna bagi umat Hindu dan Mesio Dorbhami bagi umat Zoroaster. Menurut pendapat Ahmadiyyah, kepercayaan terhadap dirinya sebagai Al-Mahdi ini termasuk salah satu rukun iman atas dua hujjah, pertama kedatangannya di awal abad ke-14 H diramalkan oleh Nabi Muhammad SAW sendiri. Kedua dia menyatakan dirinya telah menerima wahyu daripada Allah SWT sejak tahun 1889. Alasan kedua itulah yang akhirnya menyebabkan dirinya diakui oleh para penganutnya sebagai Nabi.[51]

Ahmadiyah percaya bahwa nabi yang datang langsung sesudah nabi Muhammad ialah Mirza Ghulam Ahmad.[52] Kedudukan Mirza Ghulam Ahmad dalam silsilah kenabian syariat Islam adalah sebagai pelanjut dalam pelengkap, dan dia bukanlah pembawa syariat baru, sama dengan kedudukan Isa al-Masih dalam silsilah kenabian syari'at Musa as dalam kalangan bani Irail. Lantaran itu Mirza Ghulam Ahmad diberi julukan al-Masih. Dengan kata lain bahawa Mirza Ghulam Ahmad pada hakikatnya adalah al-Masih yang dijanjikan oleh Nabi SAW yang selalu disebut-sebut dalam berbagai hadis, dirinyalah yang selalu ditunggu-tunggu kedatangannya oleh semua umat Islam.

Transformasi Pemikiran Basyiruddin Ke Nusantara

Kewujudan pemikiran Basyiruddin di Nusantara tidak terlepas dari peranan mahasiswa Indonesia yang sedang melakukan pengajian di Qadian, India. Mereka menjemput Basyiruddin untuk melakukan transformasi pemikirannya di Indonesia, setelah berjaya membawanya ke Eropah.[53] Para mahasiswa tersebut merupakan alumnai sekolah Sumatera Tawalib, Padang Panjang[54] iaitu Abu Bakar Ayyub, Ahmad Nuruddin dan Zaini Dahlan.[55] Jemputan itu selari dengan misi Basyiruddin ketika dilantik menjadi khalifah Jemaat Ahmadiyyah, beliau bercita-cita untuk menyebarkan pemikiran-pemikirannya melalui organisasi dalaman Ahmadiyyah yang dinamakan dengan *Tahrik Jadid*.[56]

---

[49] Ibrahim Ibn Musa al-Lakhmi al-Garnati al-Maliki al-Shatibi (1997), *al-Muwafaqat Fi al-Usul al-Shari'ah*, ed. Ibrahim Ramadan, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1997, h. 357.

[50] Muhammad Husayn al-Dhahabi, *al-Tafsir wa al-Mufassirun,* h. 266.

[51] Muhammad Iqbal (1991), *Islam And Ahmadism Replay to Questions Raised By Pandit Jawaharlal Nehru*, terj Machnun Husein, *Islam Dan Ahmadiyah Jawaban Terhadap Pertanyaan-Pertanyaan Pandit Jawaharlal Nehru*, Jakarta: PT. Bumu Aksara, h. vii-viii; Cf. Maulana Muhammad Sadiq (1993), *Menyingkap Kekaburan Tentang Al-Masih Dan Al-Mahdi*, Bogor: jemaat parung, h. 1-5; Cyril Glasse (1999), *The Concise Encyclopaedia of Islam*, ed. I, Cet. 2, terj. Ghufron A. Mas'adi, *Ensiklopedi Islam (ringkas)*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 16.

[52] Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (1968), *Invitation*, Rabwah: Ahmadiyya Muslim Foreign Mission Office, h. 10.

[53] Ibid, h. 23.

[54] Hamka (2016), A*yahku*, Malaysia: PTS Publishing House, h. 201.

[55] Sumayya (2000), *Riwayat Hidup Tiga Serangkai*, Bogor: PB Jemaat Ahmadiyyah Indonesia, h. 75.

[56] Catur Wahyudi (2015), *Marginalisasi dan Keberadaban Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, h. 58.

Dengan yang demikian, Jemputan tersebut disambut baik oleh Basyiruddin dengan mengutus mubaligh Ahmadiyyah, M. Rahmat Ali H.A.O.T (selanjutnya disebut Rahmat Ali).[57] Dia merupakan bekas guru agama di Qadian.[58] Sebelum berangkat ke Nusantara dia telah mendapat kursus dari khalifah Jemaat Ahmadiyyah. Kursus tersebut berhubungan dengan pelaksanaan dan strategi dakwah,[59] di samping itu Rahmat Ali juga menekuni kemahiran berbahasa Indonesia. Kemahiran ini dipelajarinya daripada mahasiswa-mahasiswa yang sedang menjalani pengajian di Qadiani dengan menggunakan buku *Tiga Serangkai*.[60] Selepas menyelesaikan kursus tersebut Rahmat Ali bertolak secara formal dari pelabuhan Qadian pada 17 Agustus 1925 M.[61] Laluan perjalannya ialah India, Pulau Pinang Malaysia, Medan sebelum tiba di Aceh sebagai destinasi utamanya untuk menyebarkan pemikiran Basyiruddin.[62] Dalam menyebarkan pemikiran tersebut Rahmat Ali dibantu oleh mubaligh-mubaligh tempatan yang mula tertarik dengan ajaran Ahmadiyyah.

Respon dan Reaksi Masyarakat Aceh

Kalangan Jemaat Ahmadiyyah meyakini bahawa menyebarkan pemikiran Basyiruddin tentang Nabi Isa A.S, keberlangsungan turunnya wahyu dan kemunculan Nabi baru merupakan bahagian dari dakwah yang diperintahkan Tuhan. Realiti ini dibuktikan dengan motto yang ditulis dalam buku cara tabligh yang efektif.[63] Motto mereka ialah Surah al-Fusshilat, ayat 33: Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang saleh, dan berkata: "Sesungguhnya aku Termasuk orang-orang yang menyerah diri?"

Aceh dikenal dengan sebutan Serambi Mekah, kerana majoriti penduduknya beragama Islam, sehingga segala aktiviti yang dilakukan cenderung kepada pengamalan nilai-nilai syariat Islam.[64] Pemikiran Basyiruddin dapat masuk ke bumi Aceh disebabkan propaganda yang dilakukan oleh penganut Ahmadiyyah yang berasal daripada Aceh dan sedang menjalani pengajian di Qadian, India iaitu Muhammad Samin. Beliau membangkitkan isu imam Mahdi telah muncul di India. Sebahagian masyarakat mempercayai maklumat ini, sehingga memudahkan jalan bagi Muhammad Samin untuk meyakinkan bahawa dalam jangka masa yang terdekat akan datang utusan imam Mahdi ke bumi Aceh.[65] Dari sinilah terbuka peluang bagi mubaligh Ahmadiyyah Qadiani untuk menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Aceh.

Setelah disebarkan maklumat tentang kebangkitan imam Mahdi di India, beberapa kalangan masyarakat Aceh menunggu-nunggu kedatangan utusan imam Mahdi tersebut. Menurut catitan Jemaat Ahmadiyyah Qadiani mereka berjumlah ratusan orang.[66] Adapun mubaligh yang diutus untuk menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Aceh adalah Rahmat Ali, beliau tiba di Tapaktuan pada 2 Oktober 1925 M, kemudian melakukan tabligh di daerah Aceh Selatan. Usaha ini membuahkan hasil, kerana terdapat beberapa masyarakat Aceh yang bersedia menerima idea-idea tersebut. Di antara yang menerima pemikiran ini ialah Abdul Rahman, Muhammad Syam, Mahdi Sutan Singasoro, Mamak Gamuk, Munir, Ali Sutan Marojo, Sulaeman, Datuk Dagang Muhammad Hasan, Abdul Wahid, Muhammad Yakin Munir, Nyak Raja, Abas dan Teuku Nasruddin.[67]

Selain bertabligh Rahmat Ali juga menempuh cara berdebat, pada akhir Disember tahun 1925 M pernah diadakan debat terbuka di rumah Mamak Gamuk. Isu yang menjadi bahan perdebatan ialah pemikiran Basyiruddin tentang kewafatan Nabi Isa A.S, kenabian tanpa syariat, kenabian pengasas Jemaat Ahmadiyyah Ghulam Ahmad dan *al-Masih al-Maw'ud*.[68] Setelah dilakukan pengkajian mendalam terhadap pemikiran ini, didapati bahawa ianya bercanggah dengan keyakinan majoriti umat Islam. Pemikiran ini hanya berpusing di antara dua perkara, iaitu menetapkan bahawa Nabi Isa A.S telah wafat

---

[57] Munawar Ahmad et al. (2000), *Bunga Rampai Sejarah Jemaat Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000)*, Bogor: PB Jemaat Ahmadiyyah Indonesia, h. 13.
[58] Ibid, h. 19.
[59] Sumayya, *Riwayat Hidup Tiga Serangkai*, h. 75.
[60] Munawar Ahmad et al, *Bunga Rampai Sejarah Jemaat Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000),* h. 19.
[61] Ibid, h. 21-22.
[62] Ibid, h. 23.
[63] Penulis Tidak Diketahui (2004), *Cara-cara tabligh yang efektif,* t.tp: JAM Malaysia, h. i.
[64] Muhammad Ibrahim et al. (1991), *Sejarah Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh*, Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, h. 235.
[65] Munawar Ahmad et al*, Bunga rampai Sejarah Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000),* h. 21.
[66] Ibid.
[67] Ibid., h. 21-22.
[68] Ibid., h. 23.

dan mendakwa bahawa Nabi Isa A.S yang akan muncul di akhir zaman ialah Ghulam Ahmad.[69] Pemikiran ini telah menimbulkan konflik dan kontroversi di tengah-tengah masyarakat Aceh, sehingga ramai ulama yang berusaha untuk menyekat pemikiran baru tersebut, kerana dianggap berbahaya bagi keyakinan akidah masyarakat Aceh.

Di antara ulama yang menentang penyebaran pemikiran Basyiruddin di Aceh ialah Muhammad Isa dan Ahmad Syukur. Mereka berdua ialah murid kepada Dr. Abdul Karim Amrullah, bapa buya HAMKA.[70] Ekoran dari dakwah Rahmat Ali yang kontroversial itu, para ulama dan masyarakat Aceh melaporkannya ke pejabat polis Aceh, akhirnya beliau diusir dan pergi meninggalkan Aceh menuju Sumatera Barat. Selepas pemergian Rahmat Ali, para pengikutnya yang fanatik masih lagi melakukan aktiviti bagi menyebarkan pemikiran Basyiruddin di rumah Sulaeman dan Datuk Raja Ahmad. Bahkan pada tahun 1926 M seorang tokoh Ahmadiyyah, Zaini Dahlan berusaha membujuk beberapa pelajar Aceh untuk dibawa menjalani pengajian di Qadian, India. Di antara yang berjaya dibawa ialah Abdul Wahid, Muhammad Yakin Munir, Abdul Rahman dan Abdul Rahim. Walau bagaimanapun kegiatan ini dikesan oleh kerajaan dan penguat kuasa Aceh, akhirnya barisan raja-raja Aceh menghentikan segala kegiatan Ahmadiyyah yang wujud di Aceh.[71] Hal ini menyebabkan pemikiran Basyiruddin tidak dapat lagi diteruskan di bumi Serambi Mekah.

Realiti di atas membuktikan bahawa pemikiran Basyiruddin tidak dapat berkembang di Aceh, keteguhan para ulama dan masyarakatnya memegang keyakinan yang benar menyebabkan pemikiran kontroversial tersebut ditolak dan ditentang. Namun ahli Jemaat Ahmadiyyah tetap mencari ruang untuk membawa pemikiran Basyiruddin ke Aceh. Pada tahun 2000-an telah dikirim dua mubaligh Ahmadiyyah untuk membawa misi dan melakukan tabligh di Aceh. Mubaligh ini bergerak secara *underground,* tidak memiliki cawangan khusus dan mengajak mesyarakat berbincang tentang masalah-masalah yang menjadi titik utama pemikiran Basyiruddin. Secara organisasi mereka masih lagi bahagian daripada cawangan Jemaat Ahmadiyyah bandar Medan.[72] Menurut Habib Berlin, mereka kerap melakukan perjalanan ke Aceh untuk menyampaikan Islam dalam perspektif pemikiran Basyiruddin. Perjalanan ini dilakukan dengan menunggang motosikal dan berhenti di tempat-tempat yang dikira strategik untuk berjumpa dengan masyarakat.[73] Hal yang sama turut diungkapkan oleh Dadan, mubaligh Jemaat Ahmadiyyah cawangan Tanjung Pura, perjalanan ke Aceh dilakukan dengan *konvoi* bersama ahli keluarga bagi mencapai daerah-daerah pelosok Aceh. Namun sampai saat ini (2014) mereka belum berjaya menubuhkan cawangan Jemaat Ahmadiyyah di Aceh.[74]

Mahmudin, nazir mesjid al-Mubarak, mesjid Jemaat Ahmadiyyah Medan menerangkan bahawa manakala berlaku peristiwa Tsunami tahun 2004,[75] mereka turut memberikan bantuan kepada Masyarakat Aceh. Bahkan mereka sempat berkampung di Aceh selama satu bulan penuh. Pada saat itu mereka membina dapur umum dan memberikan sumbangan kepada para mangsa Tsunami. Sama ada berbentuk pakaian mahupun keperluan-keperluan asas rumah tangga. Keberadaan mereka di Aceh tidak dikesan oleh masyarakat dan kerajaan, kerana mereka bergerak bukan atas nama Jemaat Ahmadiyyah, tetapi menggunakan nama *Humanity First*[76] sebagai organisasi sosial Jemaat Ahmadiyyah di peringkat antarabangsa.[77]

Respon dan Reaksi Masyarakat Sumatera Barat

Setelah gagal menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Aceh, Rahmat Ali mencari tempat baharu yang dikira boleh menerima idea-idea tersebut. Tempat kedua yang menjadi tujuan Rahmat Ali bagi menyebarkan pemikiran Basyiruddin ialah Sumatera Barat. Di daerah ini beliau tinggal di rumah keluarga Daud Bangsa Diradjo di kawasan Pasar Miskin.[78] Langkah pertama yang ditempuh ialah

[69] Hamka, *Ayahku*, h. 234-235.
[70] Ibid., h. 235.
[71] Munawar Ahmad dkk*, Bunga rampai Sejarah Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000),* h. 23-34.
[72] Rakeeman R.A.M Juman (Pensyarah Falsafah dan Perbandingan Agama, Jamiah Ahmadiyyah Indonesia) dalam temubual dengan penulis, 24 November 2014.
[73] Habib Berlin (Mubaligh Jemaat Ahmadiyyah, Cawangan Medan) dalam temubual dengan penulis, 4 Mei 2014.
[74] Dadan (Mubaligh Jemaat Ahmadiyyah, Cawangan Tanjung Pura) dalam temubual dengan penulis, 4 Mei 2014.
[75] Caroline Brassard, David W. Giles dan Arnold M. Howitt (2015), *Natural Disaster Management In The Asia-Pacific*, London: Springer, h. 41.
[76] Mahmudin (Nazir mesjid al-Mubarak, Jemaat Ahmadiyyah Medan) dalam temubual dengan penulis, 4 Mei 2014.
[77] Safeer Tariq Bhatti (2016), *International Conflict Analysis In South Asia*, London: University Press Of America, h. 132
[78] Munawar Ahmad dkk*, Bunga rampai Sejarah Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000),* h. 23-34.

dengan cara bertabligh ke Padang Panjang, Batu Sangkar dan Paya Kumbuh. Namun aktiviti ini mendapat tentangan hebat dari ulama-ulama Sumatera Barat. Walaupun demikian ada juga kalangan yang bersedia menerima pemikiran tersebut.[79]

Menurut Buya Hamka ahli Jemaat Ahmadiyyah memiliki kegemaran berdebat bagi membela pemikiran Basyiruddin. Sesi perdebatan tersebut dilakukan dalam jangka masa yang lama bagi menetapkan bahawa Nabi Isa A.S telah wafat. Manakala hal ini dapat diterima, baharulah mereka mencari alasan lain bahawa Nabi Isa A.S akan dibangkitkan pada kali yang kedua. Sesi selanjutnya ialah mencari bukti empirik bahawa Nabi Isa A.S yang akan turun ialah pengasas Jemaat Ahmadiyyah, Ghulam Ahmad.[80] Ketika melakukan tabligh di Sumatera Barat Rahmat Ali didampingi oleh salah seorang tokoh tiga serangkai yaitu Abu Bakar Ayyub. Hal ini dilakukannya setelah menyelesaikan pengajian di Qadian pada tahun 1931 M.[81] Salah satu contoh usaha tabligh kedua-dua tokoh Ahmadiyyah tersebut ialah mereka berjaya mengajak sepuluh penduduk Bandar Lahat untuk menerima pemikiran Basyiruddin. Nama-nama mereka ialah H. Mansyur, Manifah Mansyur, Demang Kenasin, Rekini, Hj. Matasir, Hafsah, Kodri, Busri, Aini dah Hj. Jamah.[82]

Selain itu H. Mahmud, penduduk tempatan, alumnai Jamiah Ahmadiyyah Qadiani turut serta mendampingi Rahmat Ali dalam menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Sumatera Barat. Sokongan Daud Bangsa Diradjo turut memberi pengaruh besar sehingga pemikiran Basyiruddin dapat diterima oleh para peniaga dan beberapa murid kepada Dr Haji Abdullah Ahmad.[83] Tetapi perjuangan tabligh tersebut kembali mendapat penentangan yang kuat dari penduduk Bukit Surungan dan Padang Panjang, bahkan masyarakat mengusir mereka dengan menggunakan anjing perburuan.[84] Bantahan dan penolakan terhadap pemikiran baru tersebut semakin tinggi, sehingga penduduk yang sudah terpengaruh membentuk satu jawatan kuasa yang dinamakan dengan "*Komite Pencari Haq*." Jawatan kuasas ini bertujuan untuk melakukan perdebatan dengan para ulama Sumatera Barat tentang pemikiran Basyiruddin. Namun misi ini tidak disambuat dengan serius oleh para ulama tersebut, sehingga dengan perasaan kecewa mereka membubarkan jawatan kuasa itu. Kemudian mereka mengasaskan cawangan Jemaat Ahmadiyyah di Padang, Sumatera Barat dengan rasmi pada tahun 1930 M.[85]

Setelah berjaya mengasaskan cawangan Jemaat Ahmadiyyah di Sumatera Barat pada tahun 1931 M, pengikut ajaran ini menulis buku yang bertajuk *Iqbaloel Haq Kitaburrahmat.* Buku ini ditulis bagi membuat bantahan terhadap isu bahawa Jemaat Ahmadiyyah melakukan haji ke Qadian, India. Selain itu mereka juga menerbitkan majalah bersiri *izharoel Haq* dan majalah *Islam*. Kedua-dua majalah ini juga satu sarana bagi menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Sumatera Barat. Bantahan para ulama terhadap mereka semakin meluas, sehingga muncul fatwa-fatwa yang mengatakan bahawa Jemaat Ahmadiyyah kafir, perkahwinan mereka tidak sah dan anak yang dilahirkan dianggap sebagai anak di luar nikah. Akibat dari peristiwa ini terdapat beberapa orang yang telah terpengaruh dengan pemikiran Basyiruddin, bersedia kembali kepada pangkuan agama Islam.[86]

Para ulama di Sumatera Barat saling barganding bahu bagi menolak pemikiran Basyiruddin yang dibawa oleh mubaligh Jemaat Ahmadiyyah. Syeikh Abdullah Ahmad menerbitkan majalah khusus untuk membongkar siapa dan apa sebenarnya rancangan Jemaat Ahmadiyyah, beliau juga menulis buku bagi membantah pemikiran tersebut. Selain itu Dr. Abdul Karim Amrullah, bapa buya HAMKA turut menulis buku yang diberi tajuk dengan *al-Qawl al-Sahih.* Buku ini merupakan bantahan terhadap keyakinan Jemaat Ahmadiyyah yang dicetuskan oleh Basyiruddin.[87] Dr. Abdul Karim Amrullah sendiri dikenali dengan gelaran Haji Rasul, beliau merupakan seorang ulama yang disegani dan sangat anti terhadap Jemaat Ahmadiyyah, disamping beliau berjuang kuat bagi membantah pemikiran Basyiruddin.[88]

---

[79] "Sejarah Ahmadiyyah di Sumatera Barat," diupdate 2016, diakses 16 Oktober 2016, http://Ahmadiyyah.id/jamaah-muslim-Ahmadiyyah/sejarah-Ahmadiyyah-di-sumatera-bara
[80] Hamka, *Ayahku,* h. 236-237.
[81] Munawar Ahmad dkk*, Bunga rampai Sejarah Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000),* h. 25.
[82] Sumayya, *Riwayat Hidup Tiga Serangkai*, h. 7.
[83] "Sejarah Ahmadiyyah di Sumatera Barat," diupdate 2016, diakses 16 Oktober 2016, http://Ahmadiyyah.id/jamaah-muslim-Ahmadiyyah/sejarah-Ahmadiyyah-di-sumatera-barat
[84] Ibid.
[85] Munawar Ahmad et al*, Bunga rampai Sejarah Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000),* h. 23-34.
[86] "Sejarah Ahmadiyyah di Sumatera Barat," diupdate 2016, diakses 16 Oktober 2016, http://Ahmadiyyah.id/jamaah-muslim-Ahmadiyyah/sejarah-Ahmadiyyah-di-sumatera-barat
[87] Hamka, *Ayahku*, h. 238.
[88] Sumayya, *Riwayat Hidup Tiga Serangkai*, h. 51.

Bantahan dan penolakan terhadap pemikiran Basyiruddin dilakukan secara sistematik, sehingga mubaligh Jemaat Ahmadiyyah tidak dapat meluaskan pengaruhnya di Sumatera Barat. Terutama setelah berkembangnya organisasi Muhammadiyah, masyarakat disibukkan dengan beramal, menubuhkan sekolah, melakukan tabligh Islam secara semarak. Senarai aktiviti ini dapat memalingkan perhatian masyarakat dari membincangkan pemikiran Basyiruddin yang bernilai kontroversial. Dengan sendirinya pengaruh mubaligh Jemaat Ahmadiyyah untuk menyebarkan pemikiran Basyiruddin dapat dihentikan. Setelah itu bilangan pengikut Jemaat Ahmadiyyah semakin berkurangan, melihat realiti ini M. Rahmat Ali pergi dari Sumatera Barat ke Jakarta.[89] Beliau tiba di Jawa pada tahun 1931 M.[90] Dari kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa pemikiran Basyiruddin tidak memberi pengaruh kepada masyarakat di Sumatera Barat, kegagalan mubaligh Jemaat Ahmadiyyah di Tapaktuan, Aceh juga dirasakan di Sumatera Barat.

Respon dan Reaksi Masyarakat Sumatera Utara

Mubaligh Jemaat Ahmadiyyah yang diberi tugasan bagi menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Sumatera Utara ialah Mohammad Sadiq H.A. Beliau tiba di Sumatera Utara pada tahun 1931 M.[91] Orang yang pertama kali beliau temui ialah Abdul Hakim, bekerja sebagai peniaga roti canai dan martabak India di Pulo Brayan, Medan. Kedai makan ini kerap didatangi oleh pegawai syarikat *Deli Spoorweg Maatschappij* (DSM).[92] Di antara mereka ada yang suka berbincang tentang masalah agama. Dari sinilah pertama kali terbuka peluang bagi Mohammad Sadiq H.A untuk menyebarkan pemikiran Basyiruddin kepada masyarakat Sumatera Utara.

Metode yang beliau gunakan ialah dengan cara bertabligh, beliau menyampaikan pemikiran Basyiruddin tentang kewafanan Nabi Isa A.S, kenabian tanpa syariat, kenabian Mirza Ghulam Ahmad dan *al-Masih al-Maw'ud*. Pemikiran ini berbeza dengan kayakinan majoriti masyarakat Sumatera Utara, ianya disebarkan dengan metode tabligh dan perbincangan. Pada mulanya fahaman ini dianggap memiliki kelainan, tetapi dengan berjalannya masa didapati wujud kalangan pegawai DSM bersedia menerima pemikiran Basyiruddin tersebut. Orang pertama yang mendapat kesan dari pemikiran ini ialah Marmen.[93] Beliau turut berganding bahu dengan Mohammad Sadiq bagi menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Sumatera Utara. Perjuangan ini menghasilkan natijah manakala beberapa sahabat Marmen seperti Said, Saidi, Saiban, Hasyim Siregar dan Tukenang bersedia untuk menerima pemikiran Basyiruddin dan melakukan bai'at menjadi anggota Jemaat Ahmadiyyah.[94]

Setelah itu segala aktiviti dan rancangan program bagi menyebarkan pemikiran Basyiruddin ditadbir oleh Muhammad Sadiq dan para pegawai DSM. Ianya dilakukan secara senyap-senyap dalam jangka masa dua tahun bermula daripada tahun 1931-1933 M. Walaupun demikian, aktiviti ini dapat dikesan oleh masyarakat Sumatera Utara, pada tahun 1934 M masyarakat dapat mengetahui kehadiran dua orang mubaligh Jemaat Ahmadiyyah di Sumatera Utara iaitu Mohammad Sadiq dan Abu Bakar Ayyub.[95]

Kritikan dan bantahan juga dilakukan oleh Haji Bustami Ibrahim, beliau menyampaikan bantahan terhadap pemikiran Basyiruddin dalam khutbah Aidil Fitri yang dilaksanakan di Medan pada 7 Januari 1935 M. Tiga bulan setelah itu, organisasi Muhammadiyah menjemput ulama Padang Panjang, Syeikh Muhammad Djamil Djambek untuk menyampaikan tabligh akbar bagi membantah pemikiran Basyiruddin. Aktiviti ini dilakukan di dewan pawagam *Hok Hoa*, Jalan Cantoon, Medan.[96] Bantahan selanjutnya dilakukan oleh organisasi *Jam'iyah al-Wasliyyah* dalam majlis maulid Nabi Muhammad SAW pada 13 Jun 1935 M. Hal yang sama turut dilakukan oleh ulama-ulama Sumatera Utara seperti Abdurrahma Shehab, Tengku Fahruddin, Haji Ismail Lubis, Haji Abdul Madjied dan pertubuhan wanita *Aisyiah*.[97]

---

[89] Hamka, *Ayahku*, h. 239.
[90] Munawar Ahmad dkk, *Bunga rampai Sejarah Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000),* h. 28.
[91] Muhammad Ya'qub Suriadi, *Sejarah Perkembangan Jemaat Ahmadiyyah Cabang Medan Serta Profil Daerahnya*, h. 22.
[92] *Deli Spoorweg Maatschappij* (DSM) adalah perusahaan transportasi kereta api yang dibangun di Deli, Medan, Sumatera Utara pada abad ke-19. Lihat Tengku Luckman Sinar (2005), *Sejarah Medan Tempo Doeloe*, Medan: Perwira, h. 61.
[93] "Sejarah Ahmadiyyah Sumatera Utara," dikemaskini 2016, diakses 18 Oktober 2016, http://Ahmadiyyah.id/jamaah-muslim-Ahmadiyyah/sejarah-Ahmadiyyah-sumatera-utara
[94] Muhammad Ya'qub Suriadi, *Sejarah Perkembangan Jemaat Ahmadiyyah Cabang Medan Serta Profil Daerahnya*, h. 24.
[95] Tengku Luckman Sinar, *Sejarah Medan Tempo Doeloe*, h. 72.
[96] "Sejarah Ahmadiyyah Sumatera Utara," dikemaskini 2016, dicapai 18 Oktober 2016, http://Ahmadiyyah.id/jamaah-muslim-Ahmadiyyah/sejarah-Ahmadiyyah-sumatera-utara.
[97] Timbul Siregar (1980), *Sejarah Kota Medan*, Medan: Yayasan Pembina Jiwa Pancasila Sumatera Utara, h. 66.

Kekacauan masyarakat akibat pemikiran Basyiruddin yang sampai ke Sumatera Utara semakin bergejolak, empat bulan selepas bantahan tersebut dianjurkan debat terbuka di dewan pawagam *Hok Hoa* pada 17 November 1935 M. Ianya dihadiri oleh 100 orang peserta yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman Shihab. Adapun sebagai panel penyampai ialah Tengku Fahruddin, Syeikh Mahmud Khayyat, Haji Ismail Lubis dan H. Abdul Majied. Acara debat terbuka ini menghasilkan rumusan bahawa pemikiran Basyiruddin bercanggah dengan ajaran Islam.[98] Para ulama yang menyertai acara tersebut menamakan diri dengan *"Persatuan Pembanteras i'tikad Ahmadiyyah Qadiani."* Setelah acara debat terbuka selesai, lalu disebarkan pemberitahuan kepada masyarakat tentang rincian dan hasil keputusan yang dicetak dalam bentuk brosur.[99]

Ulama lain yang turut melakukan bantahan tegas terhadap pemikiran Basyiruddin ialah buya HAMKA. Pada tahun 1936 M beliau tinggal di Medan untuk kedua kalinya, beliau bekerja sebagai ketua sidang editor dan pengurus majalah *Pedoman Masyarakat*.[100] Dalam majalah tersebut beliau menyatakan sikapnya bahawa pengikut pemikiran Basyiruddin adalah kafir,[101] beliau juga mengatakan: "Apabila di sebuah negeri berlaku hukum Islam, hakim wajib memaksa orang-orang Ahmadiyyah untuk kembali kepada agama yang hak, seandainya mereka tidak mahu maka halal darahnya."[102]

HAMKA turut melakukan kritikan terhadap pemikiran Basyiruddin tentang kenabian dalam buku *Pelajaran Agama Islam*. Beliau menyatakan sikapnya tentang masalah kenabian, Nabi Isa A.S, imam Mahdi dan Dajjal. Kritikan yang sama turut disebar di dalam majalah *Panji Masyarakat* no. 14/1 Januari 1960 M dan Majalah *Gema Islam* no.11/1 Julai 1962 M.[103] Ianya mendapat tentangan daripada Abu Bakar Ayyub dan Syafi R. Batuah, kedua-duanya adalah mubaligh Jemaat Ahmadiyyah. Tetapi Buya Hamka tidak menyambut tentangan tersebut, boleh jadi buya HAMKA berpandangan bahawa para mubaligh Ahmadiyyah bersifat fanatik dan tidak bersedia menerima pandangan selain ajaran Ahmadiyyah. Perdebatan dengan mereka adalah sia-sia, tidak menghasilkan natijah bagi kemaslahatan agama Islam. Lagi pula Abu Bakar Ayyub adalah sahabat buya HAMKA ketika belajar di Sekolah Diniyah suatu ketika dulu,[104] beliau mengetahui sikap dan sifat-sifatnya selepas menamatkan pengajian di Jamiah Ahmadiyyah Qadian.

Fatwa, surat sebaran (brosur) dan kritikan para ulama Sumatera Utara sama ada dalam bentuk buku mahupun majalah tentang penolakan terhadap pemikiran Basyiruddin, memaksa mubaligh Jemaat Ahmadiyyah untuk bertabligh secara senyap-senyap ke tempat yang jauh daripada bandar Medan. Tempat yang pertama kali didatangi ialah Tebing Tinggi, ianya berjarak 81 KM daripada bandar Medan.[105] Di tempat tersebut wujud dua orang yang bersedia menerima pemikiran Basyiruddin dan melakukan baiat masuk menjadi ahli Jemaat Ahmadiyyah iaitu Amiruddin dan Dasyim Damanik. Kedua-dua mereka berbaiat di hadapan mubaligh M. Mohammad Sadiq.[106]

Adapun di antara tahun 1936-an dan tahun 1954 M merupakan masa perjuangan bagi mempertahankan kemerdekaan Indonesia dari tangan para penjajah. Aktiviti dan kegiatan mubaligh Jemaat Ahmadiyyah bagi menyebarkan pemikiran Basyiruddin tidak diketahui secara pasti. Menurut catitan A. Rachman pada tahun 1955 M muncul tokoh-tokoh Jemaat Ahmadiyyah di Sumatera Utara iaitu Leman Siregar, A. Halim Siregar, Darwis, M. Said, Hasyim, Saiban, M. Zein, M. Saleh, Wagimin, Ts. Biong, Amir Yusuf, T. Ibrahim, Dahlan Majid, Yardini, Buang Marmin, Simin Marmin, Basyir Marmin, Bahari Marmin, Basri Marmin, Abd. Hakim, Abd. Hamid, Nasbon Ahmad dan H. Alwi.[107] Pada masa ini aktiviti Jemaat Ahmadiyyah bagi menyebarkan pemikiran Basyiruddin berpusat di Jalan Bantaran Batu Medan, kemudian dipindahkan ke jalan Serdang, selanjutnya jalan Poncowati No.08. Di tempat ini mereka mengadakan pertemuan, pengajian, solat berjemaah dan solat Jumaat. Semantara pada tahun 1960 M mereka mendapat tanah wakaf daripada Muhammad Ahmad Yusuf seluas 80 x 100 Meter di

---

[98] Tengku Luckman Sinar, *Sejarah Medan Tempo Doeloe*, h. 72.
[99] Majelis Ulama Indonesia (2009), *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sumatera Utara*, Medan: MUI SUMUT, h. 9-10.
[100] Ahmadiethaha, "Buya Hamka", laman sesawang Majelis Ulama Indonesia, dikemaskini 15 Julai 2013, dicapai 19 Oktober 2016, http://mui.or.id/tentang-mui/ketua-mui/buya-hamka.html.
[101] Ali Mukhayat MS (2000), *Sejarah Pertablighan Ahmadiyyah Indonesia* 1925-1994, Tasikmalaya: EBK-Tasikmalaya, h. 10.
[102] Hamka (1937), "Jemaat Ahmadiyyah," dalam *Pedoman Masyarakat*, h. 71-72.
[103] Sumayya, *Riwayat Hidup Tiga Serangkai*, h. 18-19.
[104] Hamka, *Ayahku*, h. 236.
[105] Medan in Figures (2014), Medan: BPS-Statistics of Medan City, h. 10.
[106] Muhammad Ya'qub Suriadi, "Sejarah dan Perkembangan Jemaat Ahmadiyyah Cabang Medan Serta Profil Daerahnya," h. 32-33.
[107] A. Rachman (t.t.), Pengalaman-Pengalaman Pribadi dan Bahan Studi Untuk Anak Cucu, Medan: Perpustakaan Jemaat Ahmadiyyah Cabang Medan.

Jalan Pasar III Glugur Darat, daerah Medan Timur, Sumatera Utara. Tanah ini digunakan untuk membina masjid *Al-Mubarak* yang mula dibina pada tahun 1963 M.[108]

Proses pembinaan masjid tersebut penuh dengan gejolak dan penolakan daripada masyarakat tempatan, terutama daripada pertubuhan Nahdatul Ulama (NU). Mereka melakukan tunjuk perasaan secara besar-besaran, dikatakan mereka berjaya mengambil alih masjid tersebut dan menempatinya. Kekhuatiran mereka cukup beralasan, kerana apabila pembinaan masjid tersebut dibiarkan maka aktiviti menyebar pemikiran Basyiruddin yang bercanggah dengan ajaran Islam akan mudah dilakukan. Akhirnya pihak kerajaan Sumatera Utara melalui pihak polis berjaya meleraikan pergaduhan tersebut dan menghentikan pembinaan masjid *Al-Mubarak*.[109]

Ekoran daripada fatwa kafir yang diputuskan pada tahun 1935 M, menyebabkan organisasi-organisasi umat Islam lainnya mengeluarkan fatwa yang sama. Di Sumatera Utara wujud 88 organisasi kemasyarakatan dan organisasi umat Islam terutama NU, Muhammadiyah dan Al-Wasliyah.[110] Sementara pihak kerajaan Sumatera Utara kerap mengedarkan makluman kepada masyarakat agar mengelakkan diri daripada Jemaat Ahmadiyyah yang menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Sumatera Utara. Seperti larangan bagi Jemaat Ahmadiyyah untuk mengumpulkan orang ramai bagi tujuan menyebar pemikiran Basyiruddin. Surat larangan ini dihantar ke cawangan-cawangan pejabat kerajaan yang wujud di pelosok daerah. Sehingga ruang bagi mubaligh Jemaat Ahmadiyyah untuk mengembangkan pemikiran Basyiruddin menjadi sempit.[111]

Menurut Muhammad Ya'qub Suriadi, ahli Jemaat Ahmadiyyah yang membuat kajian pada tahun 2005 M tentang cawangan Jemaat Ahmadiyyah Medan. Mereka berada dalam keadaan kritikal dan genting. Kegentingan ini disebabkan oleh masalah luaran dan dalaman yang dihadapi mubaligh Jemaat Ahmadiyyah, sehingga mereka berasa kesusahan untuk menyebarkan pemikiran Basyiruddin di Sumatera Utara. Antaranya masyarakat dan para ulama telah bersatu padu bagi menolak dan membantah pemikiran Basyiruddin. Sementara kerajaan pula telah mengedarkan brosur dan makluman untuk menyekat segala aktiviti mubaligh Jemaat Ahmadiyyah. Kenyataan di atas telah menekan mereka bagi menyebarkan pengaruh pemikiran Basyiruddin di Sumatera Utara.[112]

Adapun masalah dalaman ialah Jemaat Ahmadiyyah tidak memiliki sumber manusia yang dapat menguasai dan pakar tentang pemikiran Basyiruddin. Sehingga mereka tidak dapat menganjurkan program-program penting yang dapat menarik simpati masyarakat seperti seminar dan perbincangan dengan pelajar Universiti. Selain itu komitmen ahli Jemaat Ahmadiyyah untuk menghadiri program tabligh juga menurun, ramai yang tidak dalam program-program tabligh yang dianjurkan oleh Jemaat. Masalah lain yang turut menyekat pengaruh pemikiran Basyiruddin ialah ramai kanak-kanak daripada ahli Jemaat Ahmadiyyah menarik diri dari program-program yang dijalankan. Bahkan dikatakan ramai yang keluar dari Jemaat Ahmadiyyah.[113] Menurut kiraan tahun 2005 M bilangan ahli Jemaat Ahmadiyyah cawangan Medan ialah 456 orang.[114] Bilangan tersebut semakin berkurangan dari hari ke hari disebabkan oleh faktor-faktor di atas.

Realiti di atas menunjukkan bahawa pemikiran Basyiruddin tidak dapat berkembang di Sumatera Utara. Menurut Prof. Dr. Ramli Abdul Wahid ianya disebabkan oleh mubaligh Jemaat Ahmadiyyah bersifat pasif.[115] Tindakan ini dilakukan tentunya bagi menjaga hasil keputusan fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang menyatakan pengamal pemikiran Basyiruddin adalah sesat.[116] Sementara Dr. Ardiansyah menegaskan bahawa penduduk Sumatera Utara secara majoriti adalah ahli dari tiga organisasi besar iaitu Nahdlatul Ulama (NU), Muhammadiyah dan Al-Wasliyah. Ketiga-tiga organisasi ini menyatakan pemikiran Basyiruddin adalah sesat, dengan yang demikian masyarakat telah memiliki pegangan yang

[108] Muhammad Ya'qub Suriadi, "Sejarah dan Perkembangan Jemaat Ahmadiyyah Cabang Medan Serta Profil Daerahnya," h. 36.
[109] Ibid., h. 36-37.
[110] Syukur Kholil, Arifinsyah dan Nispul Khoiri, *Peta Dakwah Sumatera Utara*, h. 71.
[111] Muhammad Ya'qub Suriadi, "Sejarah dan Perkembangan Jemaat Ahmadiyyah Cabang Medan Serta Profil Daerahnya," h. 67.
[112] Muhammad Ya'qub Suriadi, "Sejarah dan Perkembangan Jemaat Ahmadiyyah Cabang Medan Serta Profil Daerahnya," h. 67.
[113] Ibid., h. 68-70.
[114] Ibid., h. 63.
[115] Ramli Abdul Wahid (Ketua Siswazah, Universiti Islam Negeri Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 31 Mac 2015.
[116] Abdullah (Ketua Jabatan Tafsir, Universiti Islam Negeri Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 30 Disember 2014.

kuat. Sehingga tidak terkesan dengan pemikiran kontroversial yang dibawa.[117] Hal yang sama turut ditegaskan oleh Encik Sarwoe Edi[118] dan Prof. Ramlan Rangkuti.[119]

Penentangan terhadap Ahmadiyah semakin sistematis, dimana pada tahun 2005 Majelis Ulama Indonesia mengeluarkan fatwa sesat terhadap Ahmadiyah.[120] Sehingga kini organisasi Ahmadiyah ini masih wujud dan kurang aktif seperti sebelumnya khususnya setelah Menteri Agama, Menteri Dalam Negeri dan Jaksa Agung pada tanggal 9 Jun 2008 telah mengeluarkan Surat Keputusan Bersama, yang memerintahkan kepada penganut Ahmadiyah untuk menghentikan kegiatannya yang bertentangan dengan Islam, tetapi pada hakikatnya organisasi ini masih melakukan aktivitinya seperti biasa.[121]

Kesimpulan

Dalam mentafsirkan al-Qur'an, Basyiruddin dilihat hanya mengutamakan pendekatan logik akal bagi menyokong konsep keyakinannya. Ini menyebabkan pemikiran tersebut mencetuskan kotroversi dan bercanggah dengan pandangan ulama Islam. Beliau berupaya untuk menyebarkan pemikiran kontroversial yang dicetuskan ke seluruh dunia, termasuk di antaranya Nusantara. Hal ini terbukti dengan penubuhan organisasi internal *Tahrik Jadid*. Daerah pertama di Nusantara yang menjadi prioriti Basyiruddin ialah pulau Sumatera, kerana pada awal abad ke 19 telah wujud pelajar daripada Sumatera yang menjalani pengajian di pusat Jemaat Ahmadiyyah Qadian, India. Setelah terbuka peluang, Basyiruddin mula melakukan transformasi pemikirannya tentang kewafatan Nabi Isa a.s, keberlangsungan Nabi dan kenabian Ghulam Ahmad. Hal ini dilakukan dengan menghantar mubaligh, Rahmat Ali ke Sumatera.

Rahmat Ali menyebarkan pemikiran ini dengan cara bertabligh, berbincang dan berdebat. Walau bagaimanapun, transformasi pemikiran ini berdepan dengan bantahan dan penolakan besar-besaran dari masyarakat Aceh, Sumatera Barat dan Sumatera Utara. Bantahan tersebut menyebabkan mereka diusir dan menghadapi pelbagai tekanan. Selain itu wujud juga ulama yang melakukan kritikan dan bantahan dengan tulisan. Adapun kalangan minoriti yang terpengaruh dengan pemikiran Basyiruddin, semakin berkurangan dan sedikit demi sedikit kembali ke pangkal jalan. Dengan yang demikian, pemikiran Basyiruddin tidak memiliki pengaruh yang berarti di Sumatera.

Rujukan

Aris Mustafa (2005), *Ahmadiyyah Keyakinan Yang Digugat*, t.tp: Tempo.

Asep Burhanuddin (2005), *Ghulam Ahmad: Jihad Tanpa Kekerasan*, Yogyakarta: LkiS.

Ali Mukhayat MS (2000), *Sejarah Pertablighan Ahmadiyyah Indonesia 1925-1994*, Tasikmalaya: EBK-Tasikmalaya.

Catur Wahyudi (2015), *Marginalisasi dan Keberadaban Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

Caroline Brassard, David W. Giles dan Arnold M. Howitt (2015), *Natural Disaster Management In The Asia-Pacific*, London: Springer.

Coeli Fitzpatrick dan Adam Hani Walker (2014), *Muhammad in History Thought and Culture: An Encyclopedia of the Prophet of God*, Calofornia: Santa Barbara.

al-Dhahabi, Muhammad Husayn (2000), *al-Tafsir wa al-Mufassirun*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Hartono Ahmad Jaiz (2008). *Nabi-nabi Palsu dan Para Penyesat Umat*, Pustaka Al-Kautsar: Jakarta Timur.

[117] Ardiansyah (Setiausaha, Jabatan Fatwa, MUI, Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 31 Mac 2015
[118] Sarwoe edi (Naib ketua PWM/Pimpinan Wilayah Muhammadiyah Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 1 April 2015.
[119] Ramlan Yusuf Rangkuti (Ketua, Jabatan Fatwa, MUI, Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 31 Mac 2015.
[120] https://www.dw.com/id/menilai-kontribusi-ahmadiyah-untuk-indonesia/a-45474131. 18 Februari 2019.
[121] Ahmadiyah, Sejak Datang Sudah Ditentang dalam dlm Kompas.com - 15/02/2011, 05:32 WIB

Hasanat Ahmad Syed (2009), *The Second Coming of Jesus Christ*. New York Bloomington: Iuniverse, Inc.

Hamka (2016), A*yahku*, Malaysia: PTS Publishing House.
Juan E. Campo (2009), *Encyclopedia Of Islam*, America: Fuct On File.

Ismatu Ropi (2017), *Religion and Regulation in Indonesia*, Singapure: Palgrave Macmillan.

Ibn Kathir, Abi al-Fida' Ismail (2000), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, t.tp: Maktabah Awlad al-Shaykh.

Ibn Hajr, Ahmad Ibn 'Ali (2001), *Fath al-Bari,* ed. 'Abd al-Qadir Shaybah al-Hamdi, Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah Athna' al-Nashr.

Martin Van Bruinessen (ed) (2013), *Contemporary Developments in Indonesia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Medan in Figures (2014), Medan: BPS-Statistics of Medan City.

Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (2003), *Rememberance of Allah*, United Kingdom: Islam International Publications Ltd.

Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (1990), *Apakah Ahmadiyyah itu*? Jakarta: PB Jemaat Ahmadiyyah Indonesia.

Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (2014), *The Holy Qur'an English Translation & Commentary*, Bandung: Neratja Press.

Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (2012), *The Holy Qur'an Arabic Text with Translation & Short Commentary*, United Kingdom: Islam International Publications Ltd.

Muchlis M. Hanafi (2011), *Menggugat Ahmadiyyah*, Ciputat: Lentera Hati.

Munawar Ahmad et al. (2000), *Bunga Rampai Sejarah Jemaat Ahmadiyyah Indonesia (1925-2000),* Bogor: PB Jemaat Ahmadiyyah Indonesia.

Muhammad Ya'qub Suriadi (2005), *Sejarah Perkembangan Jemaat Ahmadiyyah Cabang Medan Serta Profil Daerahnya*, skripsi. Bogor: Jamiah Ahmadiyyah Indonesia.

Muhammad Ibrahim et al. (1991), *Sejarah Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh*, Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.

Muhammad Sholikhin (2013), *Kontroversi Ahmadiyah: Fakta, Sejarah, Gerakan dan Akidah Jemaat Ahmadiyah Indonesia*, Yogyakarta: Penerbit Garudawhaca.

Majelis Ulama Indonesia (2009), *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sumatera Utara*. Medan: MUI SUMUT.

Nurudin Muneer (1988), *Ahmadi Muslim*, Bogor: PB Jemaat Ahmadiyyah Indonesia.

Peringatan Penting Dari Komite Islam Medan (*brosur),* 24 Disember 1950.

Penulis Tidak Diketahui (2004), *Cara-cara tabligh yang efektif*, t.tp: JAM Malaysia.

R. Ahmad Anwar (t.t.), "*Profil,*" dalam brosur Jemaat Ahmadiyyah Indonesia. Bogor: JAI.

Sumayya (2000), *Riwayat Hidup Tiga Serangkai*, Bogor: PB Jemaat Ahmadiyyah Indonesia.

Safeer Tariq Bhatti (2016), *International Conflict Analysis In South Asia*, London: University Press Of America.

"Sejarah Ahmadiyyah Sumatera Utara," diupdate 2016, diakses 18 Oktober 2016, http://Ahmadiyyah.id/jamaah-muslim-Ahmadiyyah/sejarah-Ahmadiyyah-sumatera-utara

"Sejarah Ahmadiyyah di Sumatera Barat," diupdate 2016, diakses 16 Oktober 2016, http://Ahmadiyyah.id/jamaah-muslim-Ahmadiyyah/sejarah-Ahmadiyyah-di-sumatera-bara.

al-Shatibi, Ibrahim Ibn Musa al-Lakhmi al-Garnati al-Maliki (1997), *al-Muwafaqat Fi al-Usul al-Shari'ah*, ed. Ibrahim Ramadan, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Tengku Luckman Sinar (2005), *Sejarah Medan Tempo Doeloe*, Medan: Perwira.

al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir (2000), *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Qur'an*, t.tp: Muassasah al-Risalah.

Temu Bual

Abdullah AS (Doktot, Ketua Jabatan Tafsir Hadith, Universiti Islam Negeri Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 30 Disember 2014.

Ardiansyah (Doktor, Setiausaha, Jabatan Fatwa, Majelis Ulama Indonesia, Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 31 Mac 2015.

Dadan (Mubaligh Jemaat Ahmadiyyah, Cawangan Tanjung Pura) dalam temubual dengan pengkaji, 4 Mei 2014.

Habib Berlin (Mubaligh Jemaat Ahmadiyyah, Cawangan Medan) dalam temu bual dengan pengkaji, 4 Mei 2014.

Mahmudin (Nazir mesjid al-Mubarak, Jemaat Ahmadiyyah Medan) dalam temu bual dengan pengkaji, 4 Mei 2014.

Rakeeman RAM Juman (Pensyarah, Jabatan Filsafah dan Perbandingan Agama Jamiah Ahmadiyyah Indonesia) dalam temu bual dengan pengkaji, 24 November 2014.

Ramli Abdul Wahid (Profesor, Ketua Siswazah, Universiti Islam Negeri Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 31 Mac 2015.

Ramlan Yusuf Rangkuti (Profesor, Ketua, Jabatan Fatwa, MUI, Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 31 Mac 2015.

Sarwoe Edi (Naib ketua Pimpinan Wilayah Muhammadiyah Sumatera Utara), dalam temu bual dengan pengkaji, 1 April 2015.